

Guna sidang kemuncak raih sokongan negara Arab, Islam isu UNRWA

Kuala Lumpur: Malaysia berhasrat menggunakan Sidang Kemuncak Tergempar Negara-Negara Arab dan Islam untuk meraih sokongan negara Arab dan Islam bagi menghalang keputusan Parlimen Israel 'melenyapkan' Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata melalui sidang tergempar yang berlangsung di Riyadh, Arab Saudi pada 11 November ini, Malaysia juga akan mengusulkan supaya sokongan sepenuhnya diberikan kepada UNRWA dalam melaksanakan mandatnya dalam memberi bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin.

"Kehadiran saya ke Sidang Kemuncak tergempar ini adalah untuk membawa mandat Dewan ini, iaitu mengambil tindakan bagi menghentikan kekejaman berterusan Israel ke atas rakyat Palestin.

"Pencerobohan dan pemusnahan pusat ibadah di wilayah Palestin yang diduduki, serangan terbuka ke atas wilayah di Lubnan; dan Iran, termasuk pembunuhan Ismail Haniyeh dan Yahya Sinwar," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Parlimen Israel (Knesset) pada 28 Oktober lalu, mengumumkan larangan terhadap UNRWA daripada beroperasi di wilayah dan kawasan diduduki Israel.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu ternyata memburukkan lagi situasi kema-

nusiaan di utara Gaza yang mengalami kebuluran selepas terputus bantuan asas sejak sekian lama.

Berdasarkan sidang kemuncak itu, katanya, antara pendekatan yang boleh diambil adalah bagi negara Arab dan Islam memberi sokongan kepada usaha mediasi gencatan senjata oleh Amerika Syarikat, Mesir dan Qatar.

"Sejak Mei lalu, tiga negara ini sudah membangunkan satu kerangka perjanjian yang perlu dipersetujui oleh semua pihak terbabit.

"Penyertaan Malaysia sebagai ahli Perikatan Global juga sebahagian usaha untuk meningkatkan tekanan diplomatik ke atas Israel bagi melaksanakan gencatan senjata kekal di Gaza, menggesa pembebasan tahanan Palestin dan menangani penderitaan rakyat Palestin menerusi penyambungan segera bantuan kemanusiaan," katanya.

Anwar berkata, Malaysia juga akan membincangkan pembangunan pelan tindakan dan mengenal pasti langkah konkrit ke arah mencapai kemerdekaan negara Palestin dalam tempoh garis masa yang munasabah dan jelas.

Dalam perkembangan sama, Perdana Menteri berkata, pihaknya akan berunding dengan Presiden Mesir, Abdel Fattah al-Sisi, sehari sebelum berlangsung sidang kemuncak untuk membincangkan mengenai perkembangan berhubung UNRWA.